

16/05/2003

Jasa pendidik wajar dihargai sepanjang hayat

PROFESION perguruan disifatkan sebagai perjuangan murni dan penting yang menuntut kesabaran, ketabahan, komitmen, kesungguhan serta semangat tinggi.

Ia semakin menjadi tumpuan di kalangan generasi muda walaupun kerjaya dalam pelbagai bidang lain dikatakan lebih mencabar dan menarik pada alaf baru ini.

Malah, keputusan mereka menjadi pendidik bukan lagi sekadar pilihan terakhir selepas gagal memperoleh pekerjaan lain, sebaliknya profesion itu

disertai dengan semangat tinggi untuk berbakti dan mencurahkan ilmu bagi menjana generasi masa depan yang berkualiti serta berhemah tinggi.

Hari ini, 16 Mei, warga pendidik di seluruh tanah air sekali lagi meraikan sambutan Hari Guru. Sambutan peringkat kebangsaan tahun ini, di Pulau Pinang bakal mencatat satu lagi sejarah.

Selain dirasmikan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, sebelum persaraan beliau Oktober depan, Tokoh Guru Kebangsaan yang dipilih juga bakal menerima anugerah wang tunai, yang julung kali diperkenalkan pada sambutan kali ini.

Apapun anugerah yang diberikan kepada guru, sumbangan serta jasa mereka, tidak dapat dinilai dengan wang ringgit. Sumbangan mereka sebenarnya tiada tolok bandingnya.

Justeru, menghargai jasa guru bukanlah hanya ketika kita berada di sekolah dan jauh sekali sekadar dikenang ketika menyambut Hari Guru. Sebaliknya, jasa mereka perlu dikenang dan dihargai sepanjang hayat. Seseorang yang mengecapi kejayaan hari ini, sebahagiannya adalah hasil asuhan dan didikan guru ketika mereka berada di alam persekolahan.

Bagaimanapun, berapa ramaikah yang masih ingat kepada guru yang pernah mengajar ketika mereka di alam persekolahan. Adakah mereka pergi menziarahi guru berkenaan, setidak-tidaknya sekali dalam setahun ketika pulang ke kampung, misalnya pada hari raya? Walaupun ada, tetapi yang pastinya bilangan mereka tidak ramai.

Itulah antara perkara yang perlu dilakukan setiap pelajar hari ini, bagi membuktikan penghargaan mereka kepada guru. Sesungguhnya guru bukanlah mengharap apa-apa balasan daripada anak didiknya. Jauh sekali daripada minta dihadiahkan wang ringgit sebagai tanda penghargaan. Harapan mereka samalah seperti apa yang diharapkan ibu bapa kita, iaitu sebuah kejayaan dan menjadi insan kamil.

Cubalah renungkan! Apakah perasaan seorang guru seandainya mendapati, ada di kalangan bekas anak didiknya kini menjadi tokoh besar dalam bidang tertentu. Tentu sekali berbangga dan puas kerana dapat melahirkan insan berjaya. Sebaliknya pula, apakah perasaan mereka jika mendapati ada anak

didiknya terbabit dalam penagihan dadah, jenayah, penipuan dan pelbagai lagi kegiatan negatif.